



5 Disember 2012
5 December 2012
P.U. (A) 434

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PENUKARAN KEPADA RINGGIT BERKENAAN DENGAN DEPOSIT MATA WANG ASING) 2012

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (CONVERSION INTO RINGGIT IN RESPECT OF A FOREIGN CURRENCY DEPOSIT) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

KAEDAH-KAEDAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PENUKARAN
KEPADA RINGGIT BERKENAAN DENGAN DEPOSIT MATA WANG ASING) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(3)(j) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Penukaran kepada Ringgit berkenaan dengan Deposit Mata Wang Asing) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Disember 2012.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“tarikh pengiraan” ertinya—

(a) bagi maksud pengiraan bayaran wajib di bawah seksyen 56 Akta atau bayaran budi bicara di bawah perenggan 62(b) Akta, tarikh pemfailan petisyen penggulungan; dan

(b) bagi maksud pengiraan bayaran budi bicara di bawah perenggan 62(a) Akta, tarikh bayaran oleh Perbadanan.

Penentuan tarikh dan kadar penukaran kepada Ringgit

3. Dalam menentukan tarikh dan kadar penukaran kepada Ringgit bagi maksud membuat bayaran di bawah Bahagian IV berkaitan dengan deposit mata wang asing yang diinsuranskan, yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) amaun yang perlu dibayar hendaklah dalam nilai yang bersamaan dengan Ringgit Malaysia;
- (b) kadar pertukaran yang digunakan untuk penukaran kepada Ringgit Malaysia hendaklah berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan mengikut terma dan syarat yang dikeluarkan oleh anggota penerima deposit dan diperoleh pada waktu penutupan perniagaan pada tarikh pengiraan; dan
- (c) sekiranya terma dan syarat yang dikeluarkan oleh anggota penerima deposit tidak menyatakan cara penentuan kadar pertukaran untuk penukaran kepada Ringgit Malaysia atau dalam ketiadaan kadar pertukaran atas apa-apa sebab, kadar pertukaran yang akan dipakai akan berdasarkan harga tawaran terakhir mata wang asing yang berkenaan yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia sebagaimana yang disiarkan di laman sesawang Bank Negara Malaysia pada waktu penutupan perniagaan pada tarikh pengiraan.

Dibuat 16 November 2012
[PIDM/PN/3/2012; PN(PU2)689/II]

TAN SRI DATUK DR ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 26 November 2012
[PIDM/PN/3/2012; PN(PU2)689/II]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (CONVERSION INTO RINGGIT IN
RESPECT OF A FOREIGN CURRENCY DEPOSIT) RULES 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraph 209(3)(j) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Conversion into Ringgit in respect of a Foreign Currency Deposit) Rules 2012**.

(2) These Rules come into operation on 6 December 2012.

Interpretation

2. In these Rules—

“calculation date” means—

(a) for the purpose of calculating the obligatory payment under section 56 of the Act or discretionary payment under paragraph 62(b) of the Act, the date of the filing of the petition for the winding-up; and

(b) for the purpose of calculating the discretionary payment under paragraph 62(a) of the Act, the date of the payment by the Corporation.

Determination of the date and rate of conversion into Ringgit

3. In determining the date and rate of conversion into Ringgit for the purpose of making a payment under Part IV in respect of an insured foreign currency deposit, the following shall apply:

(a) the amount payable shall be in Ringgit Malaysia equivalent;

- (b) the exchange rate used for conversion into Ringgit Malaysia shall be based on the exchange rate determined in accordance with the terms and conditions issued by the deposit-taking member and obtained as of the close of business on the calculation date; and
- (c) if the terms and conditions issued by the deposit-taking member do not stipulate the manner of determining the exchange rate for conversion into Ringgit Malaysia or in the absence of the exchange rate for whatsoever reason, the exchange rate to be applied will be based on the closing bid price of the relevant foreign currency rate used by Bank Negara Malaysia as published on the website of Bank Negara Malaysia as of the close of business on the calculation date.

Made 16 November 2012
[PIDM/PN/3/2012; PN(PU2)689/II]

TAN SRI DATUK DR ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved 26 November 2012
[PIDM/PN/3/2012; PN(PU2)689/II]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance